

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.02/10.12/27 ( 123 )

15 April 2013  
4 Jamadil Akhir 1434

## **SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2013**

Semua Staf Akademik  
Sekolah Perniagaan Antarabangsa (IBS)  
Universiti Teknologi Malaysia

### **PERMOHONAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA (IBS)**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa wujud kekosongan bagi jawatan pentadbir akademik di Sekolah Perniagaan Antarabangsa seperti berikut :

- i) **Timbalan Dekan (Pembangunan)**
  2. Mengikut kaedah baru yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Universiti, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan haruslah memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik yang berminat mengemukakan permohonan.
  3. Kriteria pemilihan bagi jawatan ini adalah seperti berikut :
    - i) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan cemerlang dan dihormati.
    - ii) Mempunya pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaiannya dalam apa jua situasi.
    - iii) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang dibawah pimpinannya.
    - iv) Mempunya perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan Negara.
    - v) Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah.
    - vi) Mempunya potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.
  4. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat sebelum **26 April 2013** untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.


5. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
  - i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan kemaskini;
  - ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
  - iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.

6. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf – **SULIT** – dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada Penolong Pendaftar, Sekolah Perniagaan Antarabangsa (IBS) sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan di atas.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah ”**

Yang benar,



**WAN MOHD ZAWAWI BIN WAN ABD RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k. ☷ YBhg Naib Canselor  
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)  
☞ Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur  
☞ Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan / Pengarah  
☞ Ketua Bahagian Pejabat Pendaftar UTM Kuala Lumpur  
☞ Dekan Sekolah Perniagaan Antarabangsa (IBS) UTM Kuala Lumpur